


**ATURAN MENJALANKAN BICARA MAHKAMAH SYARIAH  
DI DALAM PERKARA YANG BERBANGKIT DENGAN  
BAL SIWAL AL SYAKHSIYAH KAJIAN DAN PENILAIAN**

**OLCE**

**SYED ALI BIN ABDI SAHAB AL KHURD**

.....

1980/81





الجامعة الإسلامية العالمية

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY.  
(UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA)

TAJUK:

ATURAN MENJALANKAN BICARA  
MAHKAMAH SYARIAH  
DI DALAM PERKARA YANG BERDANGKIT  
DENGAN  
HAL EHWAL AL SYAKHSIAH  
KAJIAN DAN PENILAIAN

DISYEDIAKAN

O  
L  
E  
H

SYED ALI BIN ABU BAKAR AL KHIRD

PROGRAM  
DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN  
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
MALAYSIA

SESSI 1987-1988

PENYELIA

PROF. MADIA DR. MAHMUD SAEDON BIN AWANG OTHMAN  
Pegarah Pusat Matrikolasi  
Universiti Islam Antarabangsa

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . قَالَ اللَّهُ تَبٰلٰغِيْ وَهُوَ اَصْدَقُ مِنَ التَّائِيْدِيَةِ ، وَيَا اُولِي الدِّيْنِه اٰمَنُوْا كَوْنُوْا قَدِيْمِيْنَ بِالْقُلُوْبِ شُرَكَاءَ لِمَ وَاَوْلِيَّيْكُمْ اَنْفُسِكُمْ اَوْ اَوْلِيَّيْكُمْ فِي الدِّيْنِ اِيْمَانِيْنَ اَوْ قَصِيْرًا اَوْ قَصِيْرًا قَالَهُ اَوْلِيٌّ رَوٰىهُ اَبُو سَلِيْمٍ اَلْبَيْهَقِيُّ اِنَّهُ تَصَدَّقَ رَايَهُ تَلَوَّوْا اَوْ تَسْرَضُوْا قِيَامَهُ اَللّٰهُ كَاثِرٌ بِمَا تَصَلُوْنَ فِيْهِمْ . (1)

Artinya :

"Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan menjadi saksi kerana Allah, biar pun terhadap dirimu sendiri atau Ibubapa dan kaum kerabatmu, jika ia kaya atau pun miskin maka Allah lebih tahu kemaslihatannya maka jangalah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran dan jika kamu memutar balikkan kata-kata atau enggan menjadi saksi maka sesungguhnya Allah adalah maha mengetahui segala apa yang kamu kerjakan".

Firmannya lagi:

” ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيْعَةٍ مِّنَ الْاٰمْرِ نَا يُعْبَدُ وَلَا تَتَّبِعِ الْاَهْوَاَ الدِّيْنِيَّةَ لِاِيْمَانِهِمْ . اِنْهُمْ لَهٗ يُضِلُّوْا عَنْتَ مِمَّا اَللّٰهُ سَخَّرَ لَهَا وَاِنَّ الظَّالِمِيْنَ لَبَعْضُهُمْ اَوْلِيَآءُ بَعْضٍ وَاللّٰهُ وَلِيُّ الْمُتَّقِيْنَ . (2)

Artinya :

"Kemudian kami jadikan kamu berada diatas suatu syariat peraturan dari urusan agama itu maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui, sesungguhnya mereka sekali-kali tidak akan dapat menolak daripada kamu sedikit pun dari seksaan Allah dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu sebahagian mereka menjadi Penolong bagi sebahagian yang lain".

---

(1) Ayat AlQuran Surah An-Nissaa Ayat 135.  
 (2) Ayat AlQuran Surah Al-Ghasyiah Ayat 18 dan 19.

Dan Firmannya :

”إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا ،  
وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَكُونُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ  
نَشِيطٌ بِمَا تَعْمَلُونَ“ (1)

Ertinya :

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum diantara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil, sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada mu, sesungguhnya Allah adalah maha mendengar lagi maha melihat".

Rasulullah s.a.w. bersabda :

”لَوْ لَطَمَ النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لِأَرْبَعِي رِجَالٍ أَمْوَالِ قَوْمٍ وَرَمَاهُمْ  
بِكَنْةِ الْبَيْتَةِ عَلَى الْمَرْثِيِّ وَالْحَيْمَةِ عَلَى الْمَدْعَى عَلَيْهِ“ (2)

Maksudnya :

"Kalaulah diberikan kepada manusia apa sahaja yang didakwa atau dituntutnya, tentu akan ada beberapa orang lelaki mendakwa berhubung dengan darah dan harta mereka, tetapi keterangan atas orang yang mendakwa dan sumpah atas orang yang didakwa".

Dengan berpandukan petikan dari Ayat-Ayat AlQuran diatas dan Hadis Junjungan Rasulullah (s.a.w) yang diriwayat dari Imam-Imam Bukhari dan Muslim itu maka saya mula penulisan saya berhubung tajuk pilihan diatas iaitu "Aturan Menjalankan Bicara Mahkamah Syariah Didalam Perkara Yang Berkenaan Dengan Hal Ehwal Al-Syakhsiah : Kajian dan Penilaian" sebagai memenuhi kehendak Pensyarah Program Diploma.

---

(1) AlQuran Surah An-Nissaa Ayat 58

(2) Al-Qadhi Shhabuddin Abi Ishak Ibrahim bin Abdullah Al-Shafiee, Adabu Al-Qada', Matbaiah Al-Insyad, Baghdad, 1984M Jilid 1 Halaman 153.

Pembentangan tajuk ini adalah merupakan suatu pembentangan prosedia ataupun aturcara bagi menjalankan pembicaraan berhubung dengan Kes-Kes Mal didalam Mahkamah-Mahkamah Syariah dengan berpandukan sebuah risalah berhubung perkara tersebut yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Johor dan yang telah diguna diikuti di Negeri Johor sejak pertengahan tahun 1943 lagi hingga kehari ini.

Adapun tujuan penulis ialah untuk mengkaji dan membuat perbandingan serta menilai dengan autoriti-autoriti yang terdapat dengan merujuk kepada Kitab-Kitab Fekah yang muktabar.

Pada keseluruhannya kertas projek ini mengandungi lapan Fasal dan Fasal-Fasal itu pula mengandungi beberapa masalah yang bercawang-cawang.

Fasal Pertama :

1. Mahkamah Syariah terbuka kepada orang Islam.
2. Menyiasat atas aduan.
3. Menolak atau menjalankan pembicaraan.
4. Memasukkan butir-butir perkara.
5. Mahkamah Syariah bagi daerah-daerah dan tauliah Kadhi.
6. Mengadakan tempat bicara bagi Hakim/Kadi bertauliah Am.

Fasal Kedua :

1. Perbicaraan.
2. Mengambil kenyataan atau keterangan saksi.
3. Mengambil ikrar atau keterangan saksi tidak hadir sebab uzur.
4. Kecermatan memahami masaalah.

Fasal Ketiga :

1. Hak Menjawab daripada yang didakwa.
2. Cukup keterangan.
3. Meluluskanakuan.
4. Akuan yang diperbuat dengan tulisan.
5. Ingkar kandungan surat pengakuan.
6. Yang didakwa ingkat surat kepunyaannya.
7. Surat-Surat yang dikeluarkan oleh mana-mana Mahkamah Syariah.
8. Diam didalam sesetengah perkara adalah pengakuan.
9. Yang mendakwa mengadakan saksi-saksi apabila ingkar yang didakwa.
10. Hukum Saksi didalam perkara syarat-syarat dan Rukun.
11. Cermat dan menghalusi akan keadaan saksi-saksi.

12. Tiap-tiap persaksian disyaratkan menyebut Lafaz menyaksi.
13. Kenyataan persaksian disyaratkan muafakat dengan pendakwaar.
14. Perkara-perkara yang dikehendaki disertakan dengan sumpah.
15. Diam dengan tiada sesuatu sebab disifatkan ingkar.
16. Yang mendakwa tiada saksi.
17. Bersumpah menurut tadbir Kadi atau Hakim di Majlis Kadi atau Hakim.
18. Permintaan untuk bersumpah setelah dijatuhkan hukuman.

Fasal Keempat :

1. Kuasa Mahkamah Kadi dalam perkara membicarakan pendakwaan.
  - (a) Pengertian Pendakwaan.
  - (b) Perkara-perkara yang ditentukan perdakwaan dalam Mahkamah Syariah.
  - (c) Perbicaraan dijalankan dalam Mahkamah Syariah.
  - (d) Hukum menyempurnakan Rukun-Rukun dan syarat-syarat perdakwaan.

Fasal Kelima :

1. Rukun dan syarat bagi muddaii dan muddaa alaihi dan muddaa bihi.
2. Kenyataan ringkas.
3. Peringatan bagi yang mendakwa.

Fasal Keenam :

1. Tarjih Albainat (Keterangan diutamakan).
2. Keputusan Hukum.
3. Hukuman ditangguhkan.
4. Yang didakwa tidak hadir kemudian daripada menjawab tuntutan.
5. Tempat ambilan hukum hendaklah disebutkan.
6. Bermesyuarat atau berbahas untuk membuat keputusan.
7. Rayuan atas keputusan.
8. Ingatan.
9. Penangguhan perbicaraan.
10. Salinan keputusan.



Fasal Ketujuh :

1. Wakil dalam bicara.
2. Surat Wakalah.
3. Wakalah didaftarkan.
4. Wakalah didaftarkan.
5. Kuasa yang diberi oleh wakalah.
6. Syarat menjadi wakil bicara.

Fasal Kelapan :

1. Kuasa Pemeriksa Agama.
2. Kesalahan dibawah perkara ibadat.
3. Kesalahan dibawah Undang-Undang Kawalan orang Islam.
4. Keterangan atau Bainnah.
5. Memanggil orang-orang tertentu hadir menjadi saksi.
6. Kadi-Kadi memberi pertolongan.

Semoga tujuan yang baik ini mendapat keredhaan Allah, taufik, hidayah serta inayahnya kepada kita sekalian yang bertujuan mencari kebenaran dalam menegakkan hukum Allāh serta mendorong kita mengikut jalan yang lurus yang dikehendai.

SYED ALI BIN ABU BAKAR,  
Program Undang-Undang Dan  
Pentadbiran Kehakiman Islam,  
Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia,  
1987 - 1988

- 3 -

ATURAN MENJALANKAN BICARA  
MAHKAMAH SYARIAH DIDALAM  
PERKARA YANG BERKENAAN  
PENGAN HAL EHWAL AL-SYAKHSIAH

FASAL PERTAMA

Maikamah Syariah  
terbuka kepada  
orang Islam  
laki-laki  
dan perempuan

1. (i) Tiap-tiap orang Islam laki-laki dan perempuan bila-bila sahaja ada hak boleh mengadu kepada Kadi-Kadi diPejabatnya akan suatu kesalahan yang telah dilakukan oleh lainnya atasnya atau kerana menuntut haknya atas yang berkenaan yang lulus pada hukum syarak dalam perkara suami isteri dan yang berkenaan dengan Bab Munakahad.

Alasan :

Dijelaskan dalam Kitab Al-Usul Al-Qadaiiah bermaksud : Sebab-sebab pendakwaan atau tuntutan ialah untuk mendapatkan hak-hak yang mana ukuran daripadanya akan mengekalkan kewujudan manusia atau pun orang yang menuntut dari pihak yang kena tuntutan. Dan sebagai contoh untuk mengekalkan kewujudan manusia atau zuriat ialah perkahwinan dan apa jua yang berkaitan dengannya dan sebagai contoh mengekalkan orang yang menuntut ialah segala jenis harta dan apa jua yang ada hubungan dengannya. (1)

---

(1) Ali Qura'ah Al-Usul Al-Qadaiiah, Matba'ah An Nahdah, Mesir, 1925M, Cetakan Kedua Halaman 4

Dijelaskan juga dalam Kitab Adabu  
Al-Qadaa' bermaksud :

"Asal disyariatkan dakwaan atau tuntutan sabda Rasulullah s.a.w. : Kalaulah diberikan kepada manusia apa sahaja yang didakwa atau dituntutnya, tentu akan ada beberapa orang lelaki mendakwa atau menuntut berhubung dengan darah dan harta mereka tetapi keterangan atas orang yang mendakwa dan sumpah atas orang yang didakwa, dan oleh kerana perbalahan dan peselisihan perkara yang sering berlaku dikalangan orang ramai yang mana jika dibiarkan berlarutan akan membawa kepada kerosakan dan menghilangkan hak-hak maka tidak dapat tidak hencaklah diselesaikan dengan cara membuat tuntutan atau dakwaan di Mahkamah. (1).

(ii) Apabila datang seorang mengadu kepada Kadi dalam perkara-perkara yang tersebut diatas ini hendaklah Kadi-Kadi itu memeriksa kepada yang mengadu itu kemudian daripada telah diterima ikrarnya dan mengaku apa-apa aduannya itu benar.

Alasan :

Dijelaskan dalam Kitab Nazariat Addakwa bermaksud :

Adapun yang asal dalam Fikeh Islam itu bahawa seseorang Kadi tidak boleh memulakan didalam mengendalikan sesuatu

---

(1) Al-Qadi Shihabuddin Abi Ishak Al-Makruf bibni Abi Aidam Al-Shafiee, Adabu Al-Qada' Matbaah Al-Irshad, Baghdad, 1984 M Juzuk 1 Halaman 153.

pendakwaan atau tuntutan untuk dijatuhkan hukuman kecuali kiranya ia telah didatangi oleh orang yang empunya masalah (menuntut) dan telah memintanya untuk berbuat demikian kemudian didatangkan pihak yang kena tuntutan dan dengan itu hendaklah diteliti dua perkara sebelum ia memulakan melihat pada pendakwaan.

Dua perkara itu ialah :-

1. Memanggil pihak yang kena tuntutan ke-pengadilar dan hadir ke Majlis Pembicaraan kerana prinsip persamaan diantara dua yang bertelagah menghendaki tidak melihat sesuatu pendakwaan kecuali dengan kehadiran kedua-dua yang bertelagah.
2. Membuat pengakuan dihadapan Kadi diatas perkara yang dituntut, kerana tidak boleh mengeluarkan hukum didalam hak hamba Allah kecuali berdasarkan pengakuan pihak yang menuntut haknya, bersalahan hak Allah yang mana ianya dihukum dengan tidak memerlukan pendakwaan. (1).

(iii) Perkataan yang mengadu itu hendaklah ditulis dalam sebuah buku yang dinamakan buku aduan jika boleh hendaklah ditulis oleh yang mengadu sendiri dan hendaklah diadakan bilangan

---

(1) Muhammad Na'im Abdul Salam Yassin,  
Nazariat Addakwa, Wuzarat Alauqaf, Mesir,  
1972M, Jilid 2 Halaman 40

yang bersusun dan segala perkataan itu ditandatangani oleh yang mengadu dan disaksikan oleh Kadi dengan ditandatangani dibawah aduan itu mengaku yang aduan itu segala perkataannya atau ikrarnya betul telah diperbuat dihadapannya.

Alasan :

Dijelaskan dalam Kitab Nazariat Addakwa bermaksud :

Adapun perkara yang kedua yang membolehkan dikemukakan dakwaan ataupun tuntutan iaitu yang menuntut menerangkan apa yang dituntutnya daripada yang kena tuntutan dihadapan Kadi yang pada asalnya boleh dilakukan dalam bentuk percakapan dan boleh juga dalam bentuk bertulis yang dikemukakan oleh pihak menuntut kepada Kadi yang membacanya dan didengar oleh yang menuntut dan yang dituntut kiranya ia hadir dan bagi yang bisu memadai dengan isyarat yang boleh difahami kiranya ia tidak boleh menulis.(1)

Dan dijelaskan lagi dalam Kitab yang sama bermaksud :-

Adapun hubungan yang menuntut dengan Mahkamah ialah dengan cara mencatatkan segala dakwaannya oleh Jurutulis di Mahkamah dan ini tidak sayugia dilakukan untuk memenuhi tuntutan yang menuntut

---

(1) Muhammad Na'im Abdul Salam Yassin,  
Nazariat Addakwa, Jilid 2 Halaman 41

bagi mencatat dakwaannya melainkan kiranya ia telah mengemukakan tuntutananya dalam bentuk tulisan dan dilengkapi dalamnya segala keterangan yang dikehendaki dan membayar bayaran yang dikehendaki dengan tuntutananya; maka apabila yang demikian itu telah dilakukan oleh pihak menuntut hendaklah dimasukkan pendakwaannya didalam buku jadual umum kes-kes dan disediakan baginya fail khas mengandungi perkara-perkara berkaitan antara kertas tuntutan, kemudian diberi kebenaran kepada yang menuntut untuk memaklumkan kepada lawannya iaitu pihak yang dituntut dengan perantaraan penghantar saman. (1).

Menyiasat Atas  
Aduan-aduan

2. Hendaklah Kadi-Kadi itu menyiasat atas perkataan aduan itu supaya keadaannya betul dan samada sah atau tidak itu boleh dijalankan pada hukum, didalam hal ini bolehlah Kadi itu mengambil masa kerana menghaluskan dengan bertempuh tidak lebih dari 3 hari jika dikehendaki.

Alasan :

Dijelaskan dalam Nazariat Al-dakwa bermaksud :-

Adapun kiranya datang berseorangan maka para Fuqaha' berpendapat bahawa Kadi boleh memikirkan dakwaannya, bukan untuk menghukum tetapi untuk mengetahui bentuk

---

(1) Muhammad Na'im Abdul Salam Yassin .

Ibid Jilid 2, Halaman 43

pendakwaannya, kadang-kadang seseorang mengemukakan sesuatu tuntutan yang bukan haknya atau sesuatu yang tiada kena mengena dengannya atau sesuatu yang haram dituntut dari segi syarak atau menuntut sesuatu yang remeh temeh menyusahkan pihak yang kena tuntutan kerananya, atau menuntut perkara yang kecil kadangkala dakwaan yang menuntut terbatal kerananya dalam keadaan sebegini pada awal lagi Kadi boleh menolaknya dan sebelum ia membuat panggilan kepada yang didakwa. (1)

Dan dijelaskan lagi dalam Kitab yang sama bermaksud :-

Dalam hal yang demikian bahawa Mahkamah mempunyai kuasa budibicara yang luas pada memberi tempuh penangguhan yang diperlukan untuk mengemukakan surat-surat permohonan dan mengkajinya, walau bagaimana pun tidak sayugia menangguhkan pendakwaan itu lebih daripada sekali kerana sebab yang satu berpunca daripada salah seorang dari kedua yang bertikai. (2).

Menolak atau menjalankan bicara atas aduan

3. Kemudian daripada Kadi telah memeriksa dan menyiasat dengan cermat jika didapatinya perkara itu tiada cukup keterangan atau menyalahi hukum maka terhaklah Kadi itu menolak akan aduan itu daripada dijalankan dan hendaklah ditulis dibawah aduan itu kenyataan sebab-sebab tidak boleh dijalankan hendaklah diberitahu yang mengadu itu.

- 
- (1) Muhammad Naim Abdul Salam Yassin  
Ibid Jilid 2, Halaman 45  
(2) Ibid Jilid 2, Halaman 64



Alasan :-

Disebutkan dalam Kitab Nazariat .

Alaakwa:-

Pana Fuqana<sup>1</sup> berpendapat bahawa Kadi boleh memikirkan dakwaannya bukan untuk menghukum tetapi untuk mengetahui bentuk pendakwaannya, kadang-kadang seseorang mengemukakan sesuatu tuntutan yang bukan haknya atau sesuatu yang tiada kena mengena dengannya atau sesuatu yang haram dituntut dari segi syarak atau menuntut sesuatu yang remeh temeh menyusahkan pihak yang kena tuntutan kerananya, atau menuntut perkara yang kecil kadangkala dakwaan yang menuntut terbatal kerananya, dalam keadaan begini pada awal lagi Kadi boleh menolaknya dan sebelum ia membuat panggilan kepada yang dituntut. (1)

(ii) Jika didapati oleh Kadi ada cukup syarat dakwa dan keterangan bagi hendak dijalankan pendakwaan atas aduan itu hendaklah ditentukan kepada yang mendakwa yang aduannya itu akan dijalankan. Maka hendaklah dikeluarkan surat panggilan saman supaya yang dituduh (Muddaa Alih) hadir di Mahkamah Kadi pada apa masa yang ditetapkan yang perbicaraan itu akan dijalankan.

Alasan :-

Dinyatakan dalam Kitab Adabu Al-Qadi (Perkara 3256), bermaksud :-

---

(1) Muhammad Naim Abdul Salam Yassin  
Ibid. Jilid 2. Halaman 45

Maka apabila berbalah-balahan dua orang yang bermusuhan pada menuntut sesuatu hak dan telah memanggil oleh salah seorang darinya supaya datang bersama-samanya dihadapan Hakim, maka wajiblah atasnya menjawab panggilan itu dan hadir bagi didengar bagaimana firman Allah dalam Surah An-Nur Ayat 51 yang bermaksud :-

"Sesungguhnya jawapan orang-orang Mukmin bila mereka dipanggil kepada Allah dan Rasulnya agar Rasul menghukum (mengadili) diantara mereka ialah dengan berkata "Kami mendengar dan kami patuh". (1)

Dan dijelaskan juga dalam Kitab Nazariat Ad-dakwa bermaksud :-

Langkah pertama yang perlu dilakukan didalam mengendalikan pendakwaannya iaitu dengan memanggil kedua-dua pihak yang bertikai (yang menuntut dan yang kena tuntutan) supaya menghadirkan diri dihadapan Hakim, kiranya kedua-dua pihak tidak hadir atau salah seorang daripada dua pihak tidak hadir maka akan disusuli dengan tindakan dan hukuman-hukuman. (2).

(iii) Hendaklah disebutkan didalam surat panggilan (Saman) itu apa tuduhannya dan masalah itu didalam fasal perkara apa yang dituntut oleh yang

- 
- (1) Abi Al-Hassan Ali bin Muhammad bin Habib Al-Kawardi, Adabul Al-Qadi, Matba'ah Al-a'ani, Baghdad Tahun 1972M, Juzuk 2, Halaman 319.
  - (2) Muhammad Naim Abdul Salam Yassin, Nazariat Addakwa, Juzuk 2, Halaman 63.

mendakwa (Muddai') jikalau boleh  
hendaklah disebutkan bilangan fasal  
masaalah itu.

Alasan :-

Dinyatakan dalam Kitab Nazariat Ad-dakwa  
bermaksud :-

Dan tidak sah memanggil kedua-dua pihak  
yang bertikai untuk hadir ke Mahkamah  
melainkan dengan menulis didalam surat  
rasmi yang dinamakan surat tuntutan  
untuk hadir ke Mahkamah ataupun surat  
panggilan.

Dan disyaratkan bahawa surat itu  
mengandungi keterangan-keterangan :-

- (1) Nama tiap-tiap daripada yang  
menuntut dan yang kena tuntutan,  
galarannya, pekerjaannya,  
jawatannya, tempat tinggalnya.
- (2) Nama Mahkamah yang akan  
mengendalikan pendakwaan.
- (3) Haribulan, masa yang ditentukan  
bagi perbicaraan.
- (4) Tarikh dikemukakan Saman.
- (5) Nama Penghantar Saman yang  
menyampaikan surat saman.
- (6) Kandungan aduan atau tuntutan  
yang menuntut dan  
alasan-alasannya. (1)

Dan didalam Alusul Al-Qadaai'ah  
menyebutkan :-

---

(1) Muhammad Na'im Abdul Salam  
Nazariat Ad-dakwa, Opcit, Jilid 2,  
Halaman 89

"Hendaklah menyebut oleh yang mendakwa dalam tuntutananya bahawa ia menuntut daripada pihak yang didakwa akan haknya yang diperdakwakan samada berupa piutang ataupun hartabenda (barang) yang boleh dipindahkan ataupun yang tetap. (1).

(iv) Surat panggilan (Saman) itu hendaklah diperbuat dua naskah yang serupa serta ditandatangani dan dicap oleh Kadi dengan Cap Mahkamahnya atas saman itu.

Alasan :-

Dinyatakan dalam Kitab Mughni Al-muhtak bermaksud :-

"Dan kiranya menghendaki oleh Kadi akan kehadiran seseorang itu dihadapannya hendaklah dengan menyerahkan surat yang ada mengandungi Cap dan metri Mahkamah atau sebagainya. (2)

Dalam Kitab Nazariat Al-Dakwa disebutkan bermaksud bermaksud :-

"Adapun kiranya datang yang mendakwa kepada Kadi dan berkata ia bahawa bagiku keatas sifulan hak sedangkan dia didalam rumahnya bersembunyi daripada ku dan tidak hadir bersamaku maka hendaklah Kadi melihat kepada dakwaan itu dan menanyakan tempat pihak yang dituntut yang dikehendaki, kiranya keadaan menghendaki dihadirkan yang dituntut

---

(1) Ali Qura'ah, Alusul Alqada'iah

Opcit, Halaman 15.

(2) Al-Syarbini Al-Khasib, Mughni Al-Muhtaj,

Mustafa Al-Babi Al-Halabi, Mesir, 1958M.

Juzuk 4, Halaman 45.

hendaklah Kadi itu mengeluarkan perintah kehadirannya dan adalah mereka itu melakukannya yang demikian dengan cara Kadi bersama-sama orang yang mendakwa menghantar surat yang ada Cap Rasmi Mahkamah dengan tertulis di atasnya "Panggilan Kadi Untuk Hadir" kemudian ditinggalkan dan jadilah yang demikian itu mewajibkan kehadiran". (1)

(v) Hendaklah saman itu dijalankan bagaimana aturan yang biasa oleh Pegawai yang disediakan kerana itu (Penghantar Saman) tetapi Kadi ada hak kuasa boleh memerintahkan siapa pun yang difikirkan patut pada menjalankan saman itu maka dalam hal menjalankan saman itu jika berkehendak kepada belanja dan diluar kawasan bandaran segala belanja-belanja itu tertanggunglah keatas yang mengeluarkan saman (mudda'i) membayarnya.

Alasan :-

Dinyatakan dalam Kitab Nazariat Al-Dakwa bermaksud :-

Adapun cara menyampaikan pendakwaan kepada pihak yang didakwa ialah dengan cara yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang samada diberitahu sebelum ataupun sesudah didaftarkan (Register) pengaduan iaitu mestilah dengan melalui Pegawai yang ditentukan kerananya dan tidak boleh diterima sekiranya tugas itu dilakukan oleh yang menuntut atau wakilnya atau lainnya sekalipun oleh Pegawai biasa. (2)

- 
- (1) Muhammad Na'im Abdul Salam,  
Nazariat Al-Dakwa, Opcit, Halaman 85  
Jilid 2.
- (2) Muhammad Na'im Abdul Salam,  
Nazariat Al-Dakwa, Opcit, Halaman 44  
Jilid 2.

Didalam Mughni Almuhtaj ada menyebutkan yang maksudnya, "Dan jika menghendaki oleh Kadi akan kehadiran seseorang dihadapannya hendaklah dihadirkan dengan surat yang mempunyai Cap atau meteri Mahkamah atau lainnya atau dengan perantaraan yang diupah atau digaji.  
(1)

Dinyatakan juga dalam Kitab Nazariat Al-Isbat bermaksud :-

Telah menjadi kebiasaan pada masa ini tugas memanggil kehadiran Mahkamah dilakukan oleh orang-orang tertentu yang dinamakan "Pengahantar Saman" kerana tuntutan kehadiran tidak boleh berlaku kecuali dengan melalui tangan rasmi Kerajaan dan pekerjaannya dianggap kakitangan Kerajaan dan mereka dianggap sebagai Pembantu Kadi didalam Fikah Al-Islami dan ada pula yang menganggap sebagai tugas bebas yang diatur oleh Undang-Undang sebagaimana tugas-tugas lain jua. (2)

Didalam Mu'in Al-Hukkam dinyatakan bermaksud :-

"Adapun upah penghantar saman keatas siapa yang diwajibkan? Ada yang berkata wajib atas yang mendakwa kerana dengannya menghidupkan haknya dan dimunafaatkan baginya. (3)

- 
- (1) Al-Syarbini Al-Khatib, Mughni Al-Muhtaj Opcit, Halaman 415. Jilid 4
  - (2) Ahmad Fathi Bahansi, Nazariat Al-Isbat, Syarikat Al-Qaumiah, Kaherah, 1962M. Halaman 88
  - (3) Al-Imam Alauddin Abi Al-Hassan Ali bin Khalil Mu'in Al-Hukkam, Darul Al-Fikri, Mesir, 1982M, Halaman 80.

(vi) Saman-saman jika boleh hendaklah diberi sendiri (oleh yang mengeluarkan saman) kepada yang disaman itu (Mudda'a Alih) dengan menurut aturan dibawah ini:-

Satu naskah hendaklah diserahkan kepada (Mudda'a Alih) orang yang didakwa atau dipanggil, apabila ia menerima hendaklah diambil tandatangannya mengaku telah menerima dibelakang naskah yang satu lagi itu serta menuliskan tarikh menerimanya dan disahkan oleh yang menyerahkan, maka dinaskah itu hendaklah dibalikkar kepada Kadi dan disimpan didalam Kumpulan (fail) kertas-kertas perkara itu.

(vii) Saman-saman itu hendaklah sampai kepada yang kena saman dalam tempuh sebelum 2 hari lain daripada hari terima dan datang ke Mahkamah.

Alasan :-

Disebutkan dalam Kitab Nazariat Al-Dakwa maksudnya :-

Adapun cara menyampaikan pendakwaan kepada pihak yang didakwa ialah dengan cara hang telah ditetapkan oleh Undang-Undang samada diberitahu sebelum ataupun sesudah didaftarkan pengaduan iaitu mestilah dengan melalui Pegawai yang ditentukan kerananya dan tidak boleh dierima sekiranya tugas itu dilakukan oleh yang menuntut atau wakilnya atau lainnya sekalipun oleh Pegawai biasa (umum).

Dan bagi pemberitahuan itu beberapa langkah yang sayugia dilakukan dan masa yang tertentu menurut undang-undang yang mesti disempurnakan kalau tidak disempurnakan maka dikira pemberitahuan itu terbatal tidak dapat tidak mesti diulangi lagi dan dihukum sesiapa yang menyebabkan terbatalnya daripada Pegawai-Pegawai atau pekerja-pekerjanya. (1).

(viii) Apabila saman itu telah diserahkan kepada orang yang didakwa dan telah betul diterimanya tiba-tiba dia tiada hadir pada masa yang dikehendaki didalam saman itu yang dia wajib hadir di Mahkamah dan dengan tiada memberi kenyataan apa-apa sebabnya yang boleh diterima dan dalam cukup tempuh baginya boleh menghadirkan dirinya maka Kadi itu bolehlah membawa perkara itu kepada Majistret Pangkat Pertama bagi Mahkamah Jenayat (Criminal) supaya orang itu dipanggil dengan jalan Waran dibawah aturan Mahkamah Jenayat yang berjalan didalam negeri ini.

Alasan :-

Dinyatakan dalam Kitab Adabu Al-Qadaa' bermaksud :-

"Kiranya ia enggan daripada menghadirkan diri hendaklah Kadi memberitahu kepada pihak yang berkuasa seperti Pegawai Polis untuk menghadirkannya. (2)

- 
- (1) Muhammad Na'im Abdul Salam,  
Nazarint Al-Dakwa, Opcit Halmaan 44  
Jilid 2
- (2) Al-Qadi Shihabuddin Abi Ishak  
Adabu Al-Qadaa' - Opcit, Halaman 160